



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2018 / 2019
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWG3543
KOD KURSUS

COURSE NAME : COST ACCOUNTING
NAMA KURSUS PERAKAUNAN KOS

YEAR / PROGRAMME : 3 DDWG
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE : NOVEMBER 2018
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

Answer **ALL** questions in the answer booklet(s) provided.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

(You are required to write your name and your college name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

STUDENT'S NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / PROGRAMME TAHUN / PROGRAM	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 6 pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi 6 muka surat termasuk kulit hadapan



PUSAT PROGRAM KERJASAMA

PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

- Q1. KYPJ Kek Sdn Bhd is a famous cake manufacturer in Johor Bahru. The company currently sells 4,500 units of cakes at RM35 per unit. Ingredients such as eggs, sugar, flour, butter and pandan essence amounted to RM12 for one unit of cake. The chef's cost per unit is RM1.50. Packaging expenses amounted to RM1.50 per unit and the total fixed cost for the company is RM60,000 per year [KYPJ Kek Sdn Bhd adalah sebuah pengeluar kek terkenal di Johor Bahru. Syarikat ini kini menjual 4,500 unit kek pada harga RM35 seunit. Kandungan seperti telur ayam, gula, tepung, mentega dan pati daun pandan berjumlah RM12 untuk setiap unit kek. Kos tukang masak adalah RM1.50 seunit. Belanja-belanja pembungkusan berjumlah RM1.50 seunit dan jumlah kos tetap untuk syarikat adalah RM60,000 setahun].

Required [Dikehendaki]:

- a. Calculate [Kirakan]:
- The number of cakes that the company has to sell to achieve break-even point [Bilangan kek yang syarikat perlu jual untuk mencapai titik pulang modal] [3M]
 - Using the contribution margin method, calculate the number of cakes that the company has to sell to gain a profit of RM45,000 [Menggunakan kaedah margin sumbangan, kirakan bilangan kek yang syarikat perlu jual untuk mendapatkan keuntungan RM45,000] [3M]
 - Calculate the margin of safety in sales value (RM) and in percentage for the company [Kirakan margin keselamatan dalam nilai jualan (RM) dan dalam bentuk peratusan untuk syarikat ini]. [4M]
- b. Refer to the main information. The company manager plans to sell 8,000 units of cakes. To achieve this, the company will need to decrease the selling price from RM35 to RM28 per piece and ingredient cost per unit to RM7. Should the company implement the plan? Show your calculations. [Rujuk maklumat asal. Pengurus syarikat bercadang untuk menjual 8,000 unit kek. Untuk mencapai objektif ini, syarikat perlu menurunkan harga jualan dari RM35 ke RM28 seunit dan kos kandungan ke RM7 seunit. Patutkah syarikat melaksanakan rancangan ini? Tunjukkan pengiraan anda]. [10M]
- c. Refer to the main information. Should the company change the delivery cost of RM1.50 per unit to RM15,000 per year? Advise the company whether the changes should be implemented or otherwise. (Your answer should be based on profit advantage/disadvantage). Show your calculations. [Rujuk maklumat asal. Patutkah syarikat menukar kos penghantaran dari RM1.50 seunit kepada kos RM15,000 setahun? Berikan nasihat kepada syarikat samada perubahan tersebut patut dilaksanakan atau sebaliknya (Jawapan anda perlu berdasarkan kelebihan/kekurangan keuntungan). Tunjukkan pengiraan anda]. [10M]

Q2. Capo Sdn Bhd is a wholesaler of industrial goods. Data regarding the store's operations follow [Capo Sdn Bhd adalah sebuah pemborong barangan industri. Data berkenaan dengan operasi kedainya adalah seperti berikut]:

- Sales are budgeted at RM390,000 for November, RM360,000 for December, and RM340,000 for January [Jualan dianggarkan sebanyak RM390,000 untuk November, RM360,000 untuk Disember, dan RM340,000 untuk Januari].
- Collections are expected to be 85% in the month of sale, 10% in the month following the sale, and 5% uncollectible [Kutipan dijangkakan 85% dalam bulan jualan, 10% dalam bulan selepasnya dan 5% diandaikan tidak dapat dikutip].
- The cost of goods sold is 80% of sales [Kos barangan dijual adalah 80% dari jualan].
- The company purchases 40% of its merchandise in the month prior to the month of sale and 60% in the month of sale. Payment for merchandise is made in the month following the purchase [Syarikat membeli 40% dari barangannya dalam bulan sebelum bulan jualan dan 60% dalam bulan jualan. Pembayaran atas jualan dibuat dalam bulan selepas pembelian].
- The November beginning balance in the accounts receivable account is RM77,000 [Baki awal akaun belum terima bulan November adalah RM77,000].
- The November beginning balance in the accounts payable account is RM320,000 [Baki awal akaun belum bayar bulan November adalah RM320,000].

Required [Dikehendaki]:

- a. Prepare a Schedule of Expected Cash Collections for November and December [Sediakan sebuah Jadual Anggaran Kutipan Tunai untuk November dan Disember]. [12M]
- b. Prepare a Merchandise Purchases Budget for November and December [Sediakan sebuah Bajet Pembelian Barangan untuk November dan Disember]. [8M]

- Q3. Khabib Sdn Bhd uses a standard cost system for its single product in which variable overhead is applied on the basis of direct labor hours. The following information is given [*Khabib Sdn Bhd menggunakan sistem kos standard untuk produk tunggalnya dimana overhead berubah dikira berdasarkan asas jam buruh langsung. Maklumat berikut diberikan*]:

Standard costs per unit [*Kos standard seunit*]:

Raw materials [<i>Bahan mentah</i>] (1.5 grams at RM16 per gram)	RM24.00
Direct labor [<i>Buruh langsung</i>] (0.75 hours at RM8 per hour)	RM6.00
Variable overhead [<i>Overhed berubah</i>] (0.75 hours at RM3 per hour)	RM2.25

Actual experience for current year [*Pencapaian sebenar tahun semasa*]:

Units produced [<i>Unit dikeluarkan</i>]	22,400 units
Purchases of raw materials [<i>Belian bahan mentah</i>] (21,000 grams at RM17 per gram)	RM357,000
Raw materials used [<i>Bahan mentah digunakan</i>]	33,400 grams
Direct labor [<i>Buruh langsung</i>] (16,750 hours at RM8 per hour)	RM134,000
Variable overhead cost incurred [<i>Kos overhead berubah dibelanjakan</i>]	RM48,575

Required [*Dikehendaki*]:

Compute the following variances for raw materials, direct labor, and variable overhead [*Kirakan varians-variens berikut untuk bahan mentah, buruh langsung, dan overhead berubah*]:

- Direct materials price variance [*Variens harga bahan mentah*]. [5M]
- Direct materials quantity variance [*Variens kuantiti bahan mentah*]. [5M]
- Direct labor rate variance [*Variens kadar buruh langsung*]. [5M]
- Direct labor efficiency variance [*Variens kecekapan buruh langsung*]. [5M]
- Variable overhead spending variance [*Variens perbelanjaan overhead berubah*]. [5M]
- Variable overhead efficiency variance [*Variens kecekapan overhead berubah*]. [5M]

Q4. Oates Company, which has only one product, has provided the following data concerning its most recent month of operations [*Syarikat Oates, yang mempunyai sebuah produk tunggal, telah memberikan maklumat berikut berkenaan operasinya dalam bulan terkini*]:

Selling price [<i>Harga jualan</i>]	RM120
Units in beginning inventory [<i>Unit dalam inventori awal</i>]	0
Units produced [<i>Unit dikeluarkan</i>]	7,600
Units sold [<i>Unit dijual</i>]	7,400
Units in ending inventory [<i>Unit dalam inventori akhir</i>]	200
Variable costs per unit [<i>Kos berubah seunit</i>]:	
Direct materials [<i>Bahan mentah</i>]	RM15
Direct labor [<i>Buruh langsung</i>]	RM48
Variable manufacturing overhead [<i>Overhead pengeluaran berubah</i>]	RM7
Variable selling and administrative [<i>Jualan dan pentadbiran berubah</i>]	RM10
Fixed costs [<i>Kos tetap</i>]:	
Fixed manufacturing overhead [<i>Overhead pengeluaran tetap</i>]	RM228,000
Fixed selling and administrative [<i>Jualan dan pentadbiran tetap</i>]	RM66,600

Required [*Dikehendaki*]:

- Prepare an income statement for the month using the contribution format and the variable costing method [*Sediakan sebuah penyata pendapatan untuk tempoh tersebut menggunakan format sumbangan dan kaedah kos berubah*]. [10M]
- Prepare an income statement for the month using the absorption costing method [*Sediakan sebuah penyata pendapatan untuk tempoh tersebut menggunakan kaedah kos serapan*]. [10M]

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]